

ورتا فنرشن

Warta Penerangan



JUN 2015





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

	Muka
JPM mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja	5
JPM bertadarus di Masjid Kampung Limau Manis	6 - 7
Aktiviti keagamaan menyemarakkan bulan Ramadan	7
Program Ramadan Penerangan 2015 menyusuri Masjid UBD	8 - 9
Program sepanjang Program Latihan Teras	9
Hayati Ramadan dengan beramal	10 - 11
Memimpin Pasukan Kerja	11
Tingkatkan kesedaran bahaya dadah	12
Mengukuhkan semangat kenegaraan para pelajar	13
Program taklimat kenegaraan suntik semangat patriotisme	14
Hormati, jiwai lagu kebangsaan, bendera negara	15
Program Sua Muka	16 - 17
Perlawaan persahabatan badminton	18
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah bagi bulan Jun 2015	19
Pegawai yang baru berkhidmat / Kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan/ Pegawai yang bersara	19

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

JPM mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Sempena kehadiran bulan suci Ramadan ini, ibadah membaca Surah Yaa Siin dan tahlil telah diadakan khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis diteruskan dengan bacaan tahlil yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Manakala doa tahlil dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Antara yang hadir ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Membaca Surah Yaa Siin, tahlil dan berdoa bagi memohon kerahmatan kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah sangat digalakkan khususnya dalam bulan Ramadan, di samping mendapat pahala yang telah dijanjikan oleh Allah.



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar hadir dalam Majlis Bertahlil anjuran Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, keloaan Jabatan Adat Istiadat dan Jabatan Penerangan bertempat di Kubah Makam Diraja.



ANTARA yang hadir dalam Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

JPM bertadarus di Masjid Kampung Limau Manis

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang ikut serta acara bertadarus.



ANTARA pegawai dan kakitangan perempuan yang hadir.

IMAU MANIS, Isnin, 29 Jun. - Program Mentakmir Masjid dalam bulan Ramadan bagi warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan jabatan di bawahnya diteruskan dengan berkunjung ke Masjid Kampung Limau Manis.

Rombongan disertai oleh Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar; Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan kerajaan serta penduduk Kampung Limau Manis.

Sebelum acara bertadarus dimulakan, Dato Paduka Awang Haji Hamdan menyampaikan wakaf kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Md. Jani @Abdul Jabar bin Haji Abdul Majid.

Barang-barang yang diwakafkan berupa barang elektronik seperti penghawa dingin, 'water jet', dua buah vakum, tiga buah lampu kecemasan LED serta barang keperluan lain termasuk sebuah komputer, printer, tangga dan sebuah almari bagi kegunaan masjid berkenaan.

Acara bertadarus dimulakan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh imam masjid tersebut, diikuti dengan bacaan Al-Qur'an yang bermula dari Juz 16 dan diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa serta acara berbuka puasa.

Majlis berkebajikan itu dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Penerangan, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.



SETIAUSAHA TETAP di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan menyerahkan sumbangan wakaf kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Haji Md. Jani @ Abdul Jabar bin Haji Abdul Majid.

Aktiviti keagamaan menyemarakkan bulan Ramadan


Foto : Pg Amirul Nizam Pg Haji Mohd Ali, Bazlan Haji Besar, Mohammad Arif Matali, Abdul Wafiy Haji Roslan



ACARA bertadarus bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang BACAAN Al-Quran bertadarus. Mawardi bin Haji Mohammad.



ACARA bertadarus yang disertai oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sepanjang bulan Ramadan di surau Jabatan Penerangan.



LUANGAN azan zohor yang telah dilaungkan oleh salah seorang kakitangan Jabatan Penerangan secara bergilir-gilir setiap hari waktu bertugas.

Program Ramadan Penerangan 2015 menyusuri Masjid UBD

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Program Ramadan Penerangan 2015.

TUNGKU LINK, Khamis, 25 Jun. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menganjurkan Program Ramadan Penerangan 2015: Sumbangan Derma Kepada Anak-Anak Yatim Amalan Mulia yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos yang memimpin bacaan Surah Al Faatihah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh salah seorang daripada anak yatim, Awang Muhd Khairul Ikhwan bin Haji Roslee.

Turut menyerikan majlis pada petang itu ialah Ceramah Khas bertajuk 'Fadilat Bersedekah di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jufri bin Haji Hidup dan diteruskan dengan bertahlil dan bacaan Doa Arwah yang dipimpin oleh Imam Masjid UBD, Awang Haji Mohd Zahid bin Zain.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 34 orang anak yatim di bawah

tadahan Mukim Gadong 'A' yang mana sumbangan adalah merupakan kutipan daripada warga Jabatan Penerangan, Syarikat Galleria YM RM dan juga ahli keluarga serta orang-orang persendirian.

Mengakhiri program ialah majlis bersungkai dan menunaikan Solat Maghrib Berjemaah dan seterusnya menikmati jamuan sebelum bersurai.

Program Ramadan Penerangan ini bertujuan untuk membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berintegrasi dengan mereka semasa bulan Ramadan dan program ini diharap warga kampung dapat merasai keindahan Islam dan menyemai semangat ukhuwah, kasih sayang, pemedulian dan perpaduan dalam kalangan semua anggota masyarakat dan pihak kerajaan.

Majlis adalah merupakan kerjasama dengan Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menyampaikan derma kepada seorang anak yatim.



CERAMAH Khas bertajuk 'Fadilat Bersedekah di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jufri bin Haji Hidup.

Pengalaman sepanjang Program Latihan Teras

Oleh & Foto :
Mohammad Rainie Haji Durani

BANDAR SERI BEGAWAN – Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani bersama 23 pegawai baru berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dari beberapa kementerian dan jabatan telah menghadiri Program Latihan Teras (*On-boarding Program*) yang berlangsung selama 10 minggu bermula dari 20 April hingga 27 Jun 2015.

Program Latihan Teras ini dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA). Melalui kursus ini para pegawai telah didedahkan dengan pelbagai kursus bagi melengkapkan diri masing-masing dengan berbagai-bagi kemahiran dari segi teori dan praktikal yang boleh diaplikasikan di tempat kerja.

Menerusi Program Latihan Teras ini, antara lainnya para pegawai telah menjalani latihan team building yang dijalankan di Ulu-Ulu Resort, Temburong. Selain itu, para pegawai juga diberi pendedahan pelbagai maklumat penting tentang Wawasan Negara, Sistem Pentadbiran Kerajaan, Peraturan Am, Peraturan Kewangan, Perlembagaan Brunei, Melayu Islam Beraja, Adat Istiadat, Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam, Integriti.

Melalui kursus ini juga, para pegawai juga diketengahkan dengan berbagai-bagi kemahiran antaranya, Komunikasi Berkesan, Pengurusan dan Pengendalian Mesyuarat; Perhubungan Awam; Kemahiran Pengurusan dan Kepimpinan.

Dengan adanya kursus seumpama ini, ia boleh meningkatkan keyakinan diri dan ketrampilan diri para pegawai sebagai pegawai kerajaan. Dalam kursus ini juga, para pegawai telah didedahkan dengan alam pekerjaan yang berbeza dengan tugas dan tanggungjawab harian seperti mengendalikan forum mini, kerja amal dan sebagainya.

Pada hari terakhir program berkenaan, para pegawai telah membuat pembentangan hasil dapatkan kerja amal dan perkongsian pengalaman sepanjang kursus mengikut kumpulan masing-masing. Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Penolong Pengarah IPA, Hajah Linda Aini Abdullah; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai IPA.



ANTARA pegawai-pegawai yang baru berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam semasa menghadiri salah module Program Latihan Teras.



AWANG Mohammad Rainie semasa menyampaikan ceramah motivasi di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong, iaitu sebahagian daripada kerja amal secara berkumpulan.

Hayati Ramadan dengan beramal

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



EMBURONG, Sabtu, 27 Jun. - Program Ramadan Penerangan diharap akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mukim / kampung agar menghayati Ramadan melalui amal kebajikan dengan amalan membantu golongan yang memerlukan.

Program berkenaan dihadiri oleh Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat, selaku wakil Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Majlis yang berlangsung di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok itu diserikan dengan ceramah agama, disampaikan oleh Pegawai Keugamaan dan Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin.

Dalam ceramahnya bertajuk 'Ihya Ramadan' beliau antara lain menjelaskan bahawa bulan Ramadan mempunyai banyak kelebihan antaranya mendapat ganjaran pahala puasa langsung dari Allah Subhanahu Wata'ala dan pada bulan penuh rahmat ini juga telah diturunkan kitab suci Al-Qur'an.

PEGAWAI Pentadbir Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat, hadir selaku wakil Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM. (dua dari kanan).



PEGAWAI Keugamaan dan Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin ketika menyampaikan ceramah 'Ihya Ramadan'.



AWANG Haji Abdul Rahman, wakil Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim dalam majlis tersebut (kiri) dan sumbangan untuk kegunaan masjid kepada imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar (kanan).

Beliau juga menyarankan agar pada 10 malam terakhir Ramadan diisi dengan menambah ibadat sunat, bersedekah, istiqamah menghabiskan tarawih / witir dan tadarus Al-Qur'an dan sebagainya.

Majlis juga diselanjurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Yusof bin Haji Ahad.

Seramai 15 anak yatim di bawah tadbiran Mukim Bokok telah menerima sumbangan pada majlis tersebut, disampaikan oleh Awang Haji Abdul Rahman.

Diadakan bersempena bulan Ramadan yang Mubarak ini, program antara lain mempunyai objektif

untuk memberi pemahaman kepada penduduk mukim / kampung akan peranan dan tugas Jabatan Penerangan dalam membarigakan hal ehwal semasa yang berkaitan dengan pihak kerajaan.

Program yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, JPM serta Cawangan Penerangan Daerah Temburong ini merupakan platform bagi warga Jabatan Penerangan untuk membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berintegrasi dengan mereka semasa bulan Ramadan.

Memimpin Pasukan Kerja

Oleh & Foto : Dk Nur Effa Ryina Pg Hj Hamdani

Kursus selama 3 hari 2 malam bermalam sepenuh masa ini bermula 9 hingga 11 Jun 2015 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas. Dayangku Nur Effa Ryina binti Penigran Haji Hamdani telah mengikuti kursus yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam ini bersama pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Para peserta kursus didekahkan konsep kerja berpasukan, pemahaman mengenai beberapa teori dan model kepimpinan, komunikasi dalam kepimpinan. Mereka juga mempraktikkan kepimpinan mengikut situasi dalam kerja berpasukan dan merangka pendekatan kepimpinan berpandukan model-model kepimpinan.



Tingkatkan kesedaran bahaya dadah

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hamzah Mohiddin



CERAMAH disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik I Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Ruddy Mulyaddey bin Haji Mohammad Ali dan dipengerusikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli / Haji Ramli.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Jun. - Para ibu bapa diingatkan untuk sama-sama bertindak dan mengawasi anak masing-masing tentang bahaya penggunaan dadah dengan memberikan kesedaran dan pengetahuan tentang pentingnya untuk mengelak diri dari terjerumus ke dalam kancan penyalahgunaan dadah.

Penolong Pegawai Narkotik I Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Ruddy Mulyaddey bin Haji Mohammad Ali berkata, ibu bapa harus bijak menerangkan secara terperinci bahaya penyalahgunaan dadah dan mereka juga perlu menyedari akan perbuatan anak yang mencurigakan selain perlunya sentiasa berbincang dengan anak-anak tentang kesan-kesan buruk penyalahgunaan dadah tersebut.

Awang Ruddy Mulyaddey menyatakan perkara tersebut dalam taklimatnya semasa Program Awasi Anak Kitani yang diadakan di Dewan Kuliah, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiulap yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama BKN.

Dengan program tersebut diharapkan dapat mewujudkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah, di samping untuk memberikan maklumat tentang keburukan dadah sekaligus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini.

Terdahulu, penerangan ringkas mengenai program tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli / Haji Ramli juga selaku Pengurus Majlis.



HADIR sama pada majlis tersebut Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim; Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejari (B) Awang Haji Bakar bin Sapar; Ahli-ahli MPMK, Ahli-ahli Takmir Masjid dan Muslimah Masjid di bawah tадahan Mukim Gadong 'B' serta pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan.

Selain usaha bersepada pihak kerajaan menangani isu berkaitan dadah dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain serta penglibatan secara langsung masyarakat perlu memastikan keberkesanan mencapai matlamat negara sifar dadah.

Hadir sama pada majlis tersebut Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim; Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejari (B) Awang Haji Bakar bin Sapar; Ahli-ahli MPMK, Ahli-ahli Takmir Masjid dan Muslimah Masjid di bawah tадahan Mukim Gadong 'B' serta pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan.



SALAH seorang peserta semasa mengajukan soalan.



PESERTA Program Awasi Anak Kitani menyaksikan pameran dari BKN.



Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid, Aimi Sani
Foto: DK Nur Hafilah Pengiran Osman,
Mohd Mahdi Haji Marsidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari ini meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Program pada kali ini disasarkan kepada Sekolah Menengah Rimba.

Antara atur cara pagi itu ialah nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan Lagu Patriotik ‘Bendera Negara’ diikuti Taklimat Kenegaraan ‘Mengahayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim dan Awang Haji Rahime bin Haji Anuar.

Objektif Taklimat Kenegaraan tersebut adalah untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut-penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

PEMANGKU Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan pada 6 Jun 2015.

PEGAWAI Luar Penerangan, Awang Haji Rahime bin Haji Anuar semasa menyampaikan taklimat pada 15 Jun 2015.

Selain itu, taklimat juga dihasratkan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.

Secara tidak langsung, ia juga dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat Kenegaraan tersebut diteruskan dengan tayangan klip video mengenai bendera negara dan sesi Kuiz Kenegaraan.

Sementara itu, taklimat yang seumpamanya juga diadakan pada 6 Jun 2015 dan dihadiri oleh lebih 180 pelajar dari Sekolah Menengah Lambak Kiri.



SESI Kuiz Kenegaraan turut mengisikan Program Taklimat Kenegaraan.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Sekolah Menengah Rimba yang hadir semasa Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ pada 15 Jun 2015.

Program taklimat kenegaraan suntik semangat patriotisme

Oleh & Foto :
Noraisah Muhammed



SESI bergambar ramai guru dan sebahagian pelajar-pelajar Tahun 7 dan 8 Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait bersama pegawai dan kakitangan cawangan Penerangan Daerah Belait.

KUALA BELAIT, Rabu 10 Jun. - Jabatan Penerangan dalam usahanya menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara, hari ini meneruskan 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait.

Taklimat tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman serta semangat patriotisme para pelajar mengenai lagu kebangsaan dan bendera Negara Brunei Darussalam.

Penolong Pegawai Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar dalam taklimatnya antara lain iain menjelaskan, dengan terperinci mengenai tatacara menaikkibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' selain menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk di negara ini dikehendaki untuk menaikkibarkan (dan kemudian

menurunkan) bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti PELITA BRUNEI serta Radio dan Televisyin Brunei.

Tegasnya, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Pada taklimat tersebut dihadiri oleh seramai 185 pelajar Tahun 7 dan 8 dan beberapa guru sekolah termasuk pengetua sekolah berkenaan, Pengiran Hajah Zeiniun binti Pengiran Mudin.

Awang Hasanul Hidayat semasa ditemu bual menjelaskan bahawa ceramah tersebut bukan saja memberi maklumat tetapi juga pengajaran dan tips tentang bagaimana pelajar harus mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan berperanan dalam menghormati kedua-duanya sekali dengan sewajarnya.

Menyentuh mengenai Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' beliau menerangkan bahawa ia ada mempunyai unsur-unsur doa dan hendaklah menghayatinya dan menyanyikannya dengan tertib.

Sementara dalam temu bual bersama Pengiran Hajah Zeiniun, beliau amat menyokong program yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan itu terutama dalam mensosialisasikan peranan pelajar-pelajar untuk memahami tujuan program tersebut selain mengikuti kelas mata pelajaran MIB dalam menerapkan semangat patriotisme kepada pelajar agar tidak terjebak dengan anasir-anasir luar dan kebudayaan Barat yang boleh mempengaruhi mereka.

SUASANA di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait semasa taklimat.



Hormati, jiwai lagu kebangsaan, bendera negara

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ah Chua Bangau

TEMBURONG, Selasa, 9 Jun. - Taklimat Kenegaraan

'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan merupakan dukungan terhadap usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar di negara ini agar menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Bagi Daerah Temburong, taklimat yang penuh dengan maklumat itu dilaratkan ke Sekolah Rendah Selapon, Mukim Batu Apoi yang dihadiri oleh 17 pelajar sekolah berkenaan berserta tenaga pengajar dan para ibu bapa.



PARA pelajar dan tenaga pengajar Sekolah Rendah Selapon yang menghadiri taklimat kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan.



PEMBANTU Pegawai Luar Penerangan Awang Muhammad Halime bin Tajuddin dan Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain ketika menyampaikan taklimat kenegaraan.



SALAH seorang pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



PEGAWAI Luar Penerangan, Awang Ah Chua bin Bangau ketika menyampaikan cenderahati kenangan berupa buku-buku terbitan Jabatan Penerangan kepada Guru Besar SR Selapon, Cikgu Lim Ming Tai.

Taklimat disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Muhammad Halime bin Tajuddin dan Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain yang antara lain menjelaskan bahawa bendera negara memainkan peranan penting termasuklah untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta sebagai mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Semasa taklimat tersebut para pelajar juga berpeluang menjawab soalan-soalan kuiz berdasarkan dengan isi kandungan taklimat yang disampaikan.

Acara diselajurkan dengan penyampaian cenderahati kenangan berupa buku-buku terbitan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Ah Chua bin Bangau kepada Guru Besar Sekolah Rendah Selapon, Cikgu Lim Ming Tai.

Dengan adanya taklimat sedemikian diharap akan lebih memberi kesan dan bermakna di mana para pelajar diharap akan lebih memahami dan menghayati mesej di sebalik bendera negara yang dikibarkan-kibarkan dan lagu kebangsaan yang dinyanyikan di setiap kali perbarisan atau perhimpunan diadakan di sekolah mereka.

Program Sua Muka

Oleh : Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan
Foto: Haji Masamaleh Haji Mohd Ali, Azmah Haji Ahad, Dayangku Nur Haflilah Pengiran Osman

PROGRAM Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini Jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Maklumat kampung disiarkan di akhbar Pelita Brunei iaitu melalui ruangan Kenali Negara Kitani. Isu-isu yang berbangkit dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tindakan masing-masing. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Mohamad Rais bin Haji Ishak, Ketua Kampong Jerudong pada 9 Jun 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Salim bin Adi, Ketua Kampong Lugu / Katimahar pada 11 Jun 2015.





PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Timor bin Haji Limbang, Ketua Kampong Kulapis pada 13 Jun 2015.



PROGRAM Sua Muka bersama Pemangku Penghulu Labi selaku Ketua Kampung Labi 1, Awang Hanafi bin Haji Siput dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Labi 1 & Labi 2, Daerah Belait pada 16 Jun 2015.



Perlawanan persahabatan badminton

Oleh & Foto :
Haji Rahime Haji Anuar

Pasukan badminton Jabatan Penerangan telah mengadakan perlawanan persahabatan badminton dengan pasukan penguna Dewan Polis HQ Gadong (Gengs Badminton) pada hari Jumaat, 5 Jun 2105 bertempat didewan pengiran setia Negara, Jabatan Penerangan.

Sebelum perlawanan persahabatan tersebut pertukaran cenderahati telah disampaikan oleh Pemangku

Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohamad dan Inspektor Awang Haji Mohd Noor bin Haji Abd Rahman ketua Pasukan Gengs Badminton. Dalam perlawanan persahabatan tersebut Pasukan Jabatan Penerangan telah menang 4, 3 seri, 3 kalah. Tujuan perlawanan persahabatan tersebut ialah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kedua-dua pasukan.



Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit	Kursus Facilitation Skill for Leaders	2 hingga 4 Jun 2015
2. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Strategik and Scenario Planing	3 hingga 4 Jun 2015
3. Awang Haji Masrin bin Baharin	Kursus Menjana Kepimpinan Diri	2 - 6 Jun 2015
4. Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani	Memimpin Pasukan Kerja	9 hingga 11 Jun 2015
5. Dayang Noriah binti Haji Abd Hamid 6. Awang Abdullah bin Asgar 7. Dayang Hajah Norpisah binti Mohammed Salleh	Kuliah Awam 'Terapi Hati'	10 Jun 2015
8. Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibah Hanim binti Pengiran Haji Bakar	Kursus Managing Change	10 hingga 11 Jun 2015
9. Awang Kassim bin Haji Abd Rahman 10. Awang Wahid bin Haji Halim 11. Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim 12. Dayang Norsiah binti Haji Umar 13. Dayang Hajah Painah binti Paiman 14. Dayang Hajah Musmariani binti Haji Mohamed 15. Dayang Ernie Erma binti Salihudin 16. Awang Mohd Syahi bin Haji Ludin 17. Awang Haji Musa bin Haji Md Yassin 18. Dayang Jorrani binti Haji Zainal	Undangan bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan untuk mengikuti Kelas Fardu Ain	22 hingga 25 Jun 2015

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada pegawai yang berkhidmat di jabatan ini:



Awang Abdul Karim bin Hamdan
Jawatan : Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Tarikh melapor : 29 Jun 2015



Awang Isa bin Haji Abdul Rahman
Jawatan : Pegawai Luar Penerangan
Tarikh melapor : 15 Jun 2015



Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya
Jawatan : Pegawai Luar Penerangan
Tarikh melapor : 22 Jun 2015



Dayang Rasidahwaty binti Haji Assim
Jawatan : Penolong Kerani Sulit
Tarikh melapor : 8 Jun 2015

Kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan:



Awang Ah Chua bin Bangau sebagai Pegawai Luar Penerangan di Jabatan Penerangan
Tarikh kenaikan : 30 Mac 2015



Dayang Hajah Sujimawati binti Mejari sebagai Penolong Juruteknik Pemeliharaan di Radio Televisyen Brunei
Tarikh berpindah : 15 Jun 2015

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, dan komitmen sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:



Awang Adanan bin Haji Ibrahim
Penolong Pegawai Penerangan
Tarikh tamat perkhidmatan:
05 Jun 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242